

15/10/1999

Belanjawan 2000 tetap dibentangi: PM

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa Belanjawan 2000 akan tetap dibentangi di Parliman pada 29 Oktober ini, sebelum sebarang keputusan muktamad mengenai tarikh pilihan raya dibuat.

Perdana Menteri berkata, persoalan sama Parlimen akan dibubarkan selepas itu hanya akan dilakukan selepas beliau yakin bahawa Barisan Nasional (BN) sudah mempunyai pengundi yang cukup.

"Saya memberi jaminan bahawa Belanjawan akan tetap dibentangi pada 29 Oktober ini.

"Sama ada (Parlimen) perlu dibubarkan atas tidak, kita akan mengkajinya. Sekiranya kami mempunyai pengundi yang cukup, kita mungkin akan membubarkannya," katanya ketika ditanya sama ada Parlimen akan dibubar selepas Belanjawan 2000 dibentangi di Parlimen.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persatuan Doktor Pakar Islam (Isdam), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga penaung Isdam; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Ali Rustam dan Presiden Isdam, Sidek Nontak.

Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Rakyat akan bermula Isnin ini sehingga 9 Disember depan. Belanjawan 2000 dijangka dibentangi oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

Ketika ini khabar angin bertiup kencang bahawa Dr Mahathir mungkin membubarkan Parlimen selepas membentangi Belanjawan 2000.

Mengikuti amalan selama ini, Perdana Menteri berkuasa untuk menetapkan tarikh pilihan raya mengikut budi bicaranya.

Diminta mengulas mengenai Belanjawan yang akan dibentangi itu, beliau berkata ia akan menggambarkan pemulihan ekonomi yang dicapai oleh Malaysia.

"Saya mesti mengatakan bahawa kami sudah melakukan tugas yang lebih baik daripada dijangka dan keputusan itu akan digambarkan dalam Belanjawan kali ini.

"Dengan melihat keadaan sekarang, saya boleh mengatakan ia adalah baik, malahan lebih bagus daripada pertumbuhan suku kedua tahun ini," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengesahkan Mesyuarat Tertinggi BN akan diadakan pada 25 Oktober, tetapi enggan mengulas sama ia adalah persediaan terakhir BN sebelum menghadapi pilihan raya.

"Awak boleh memanggilnya apa sahaja persediaan terakhir atau praterakhir... ia tidak membawa sebarang perbezaan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir meminta doktor dan pakar perubatan Islam supaya tidak terlalu mementingkan hanya pesakit Islam kerana mereka tetap mempunyai tanggungjawab sama terhadap umat bukan Islam, terutama dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Beliau berkata, seseorang doktor tidak sepatutnya mementingkan soal agama, bangsa atau jantina, sebaliknya tugas terpenting mereka ialah menyelamatkan nyawa manusia.

Katanya, kejadian seperti ada doktor wanita Islam enggan memeriksa pesakit lelaki, tidak sepatutnya timbul kerana memang menjadi tugas mereka memberi rawatan serta menyelamatkan nyawa pesakit.

"Di samping itu, kita juga harus ingat walaupun kita pakar perubatan Islam, tanggungjawab kita bukan sahaja terhadap orang Islam bahkan kepada

orang bukan Islam.

"Yang pentingnya, kita mempamerkan Islam dalam amalan kita, baru orang bukan Islam menghormati Islam," katanya.

(END)